

11 OKTOBER 2017

Baru keluar penjara, dah buat hal lagi!

Baru keluar penjara, dah buat hal lagi!

GEMAS - Tak serik-serik. Itu kelakuan seorang penganggur yang baharu sahaja keluar penjara Februari lalu, namun ditahan sekali lagi ketika sedang leka membungkus dadah dan menghisap syabu di sebuah bengkel kereta di Felda Jelai, kelmarin.

Dalam pemeriksaan sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Tampin, kira-kira jam 1 petang itu, polis menemui sebuah kotak telefon bimbit yang di dalamnya terdapat empat paket plastik lut sinar dadah disyaki heroin seberat 15.50 gram serta tiga paket plastik lut sinar dadah disyaki syabu seberat 1.05 gram.

Ketua Polis Daerah Tampin, Superintendan Hamazah Ab Razak berkata, suspek berusia 38 tahun yang mempunyai enam rekod jenayah lampau merupakan token kecil-kecilan, giat mengedar dadah di sekitar kawasan Felda Jelai dan juga Felda Pasir Besar.

"Susulan penangkapan ini, kita merampas barang kes bernilai RM1,500. Walaupun nilai dadah tidak besar, namun implikasi dadah itu merosakkan bangsa.

"Baru sahaja keluar penjara, suspek tidak serik mengedar dadah serta terus merosakkan bangsa dan belia setempat. Kita beri amaran kepada mana-mana individu yang terbabit dengan penyalahgunaan

dadah, kita akan sentiasa mengesan dan menangkap mereka," katanya kepada *Sinar Harian* di sini, semalam.

Suspek kini direman bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 39 B; Seksyen 12(2) dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Dalam serbuan sama, seorang penagih dadah yang juga merupakan kawan suspek turut ditangkap polis.

"Suspek kedua merupakan mekanik kereta dan merupakan penagih berulang sejak 2005 lagi. Suspek yang mempunyai lima rekod jenayah lampau mendapatkan bekalan daripada suspek pertama.

"Suspek kedua kini direman dan disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952," katanya.



Barangan yang dirampas susulan penangkapan seorang lelaki di sebuah bengkel kereta di Felda Jelai, kelmarin.